

28/07/2002

Keadilan tidak setuju SPR diberi kuasa penuh

KUALA LUMPUR: Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak bersetuju Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diberi kuasa penuh dalam penguatkuasaan kerana ia lari daripada matlamat asal penubuhan suruhanjaya itu.

Timbalan Presidennya Abdul Rahman Othman dalam kenyataan media berkata, cadangan pemberian kuasa penguat kuasa ini tidak dibuat melalui perbincangan dengan semua parti politik sebaliknya hanya berdasarkan cadangan yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Keadilan berpendapat sekiranya SPR benar-benar ingin memelihara kesucian pilihan raya, SPR seharusnya bebas daripada tekanan parti politik termasuk parti pemerintah.

Insiden keganasan semasa pilihan raya katanya bukan hanya membabitkan Umno kerana dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Perlis umpamanya petugas Keadilan juga diganggu malah ada yang dipukul hingga terpaksa mendapatkan beberapa jahitan di kepala.

Berikutan itu, Keadilan sudah menghantar memorandum kepada SPR pada 6 Mac lalu mengenainya.